



**Manulife**  
Investments

# Manulife Diversified Real Asset Fund

(dahulu dikenali sebagai  
Manulife Global Resources Fund)

Dirangka secara strategik untuk  
menjana pertumbuhan dan  
mengharungi inflasi

☎ (03) 2719 9271

🌐 [manulifeim.com.my](http://manulifeim.com.my)

Imbas kod QR untuk melayari laman web kami



# Aset Nyata: Dirangka untuk mencapai prestasi dalam keadaan inflasi lebih tinggi

Dengan portfolio yang bukan sekadar meliputi saham dan bon tradisional, direka untuk memaksimumkan pulangan dalam suasana inflasi.

Manulife Diversified Real Asset Fund (dahulu dikenali sebagai Manulife Global Resources Fund) melabur dalam aset nyata yang lazimnya meningkat seiring pertumbuhan inflasi, memberikannya daya tahan menentang tekanan inflasi dan potensi menjana pulangan lebih stabil dalam kitaran pasaran yang tidak menentu.



**Pendapatan Tetap**



**Infrastruktur Tersenarai Global**



**Logam & Perlombongan**



**REIT Global**



**Tenaga**

## Portfolio terpelbagai untuk melindungi nilai terhadap inflasi

Apabila inflasi meningkat, pulangan nominal terjejas. Aset nyata menawarkan cara yang lebih berdaya tahan untuk menjana nilai berkekalan dan mencapai prestasi jangka panjang.



### Sumber Alam

Bekalan terhad lazimnya menimbulkan kenaikan harga, meningkatkan inflasi dan menambah aliran tunai dan untung.



### Infrastruktur

Kos dan yuran berkaitan inflasi dalam infrastruktur yang dikawal selia boleh menjana aliran tunai dan pertumbuhan lebih kukuh.



### REIT

Kenaikan nilai hartanah dan permintaan lebih tinggi semasa inflasi mengukuhkan aliran tunai dan dividen REIT.



### Pendapatan Tetap


TIPS A.S. dilaraskan untuk inflasi, manakala Perbendaharaan dan kredit jangka pendek boleh memberikan perlindungan pendapatan dan inflasi lebih kukuh berbanding instrumen pendapatan tetap jangka panjang.

Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Pelaburan terpelbagai tidak menjamin keuntungan mahupun memberi perlindungan daripada sebarang kerugian dalam mana-mana pasaran.


## Potensi pulangan boleh dipercayai dalam ketidakstabilan pasaran

Aset nyata telah mengatasi banyak kelas aset tradisional, menawarkan perlindungan dan potensi pulangan lebih berdaya tahan dalam keadaan inflasi yang meningkat.

### Apabila inflasi meningkat



### Apabila inflasi menurun



Prestasi masa lepas tidak menjamin keputusan masa depan.

Sumber: Morningstar Direct, Purata pulangan tahunan bergerak 12 bulan dari 28 Februari 1999 hingga 30 September 2024. Tempoh pertumbuhan dan inflasi yang meningkat ditentukan dengan melihat pada pertumbuhan dan inflasi dalam tempoh 12 bulan seterusnya berbanding tempoh 12 bulan lepas, yang dibawa ke hadapan setiap bulan. Pulangan dalam USD bagi indeks perwakilan: REIT A.S.: S&P U.S. Equity All REIT; REIT Bukan A.S.: S&P Developed ex-U.S. REIT; Tenaga: MSCI World Energy; Logam & Perlombongan: S&P/TSX Global Mining; Infrastruktur: Indeks Manulife Global Infrastructure; TIPS: Bloomberg 1-5 Year TIPS; Komoditi: Indeks Bloomberg Commodities; Ekuiti Global: MSCI World; Bon Global: Indeks Bloomberg Global Aggregate Bond; Kredit Jangka Pendek: Market iBoxx USD Liquid Investment Grade 0 - 5 Years

## Strategi Aset Nyata Terpelbagai: Pendedahan bersasar kepada pertumbuhan berkaitan inflasi

Strategi dana dirangka dengan tumpuan utama terhadap kelas aset yang lazimnya mendapat manfaat daripada kadar inflasi tinggi untuk meningkatkan daya tahan portfolio dan menjana pulangan mantap sepanjang kitaran inflasi.



Untuk tujuan ilustrasi sahaja.

\* EMD – Hutang Pasaran Baru Muncul (EMD)

\*\* TIPS – Sekuriti Perlindungan Inflasi Perbendaharaan A.S. (TIPS)

## Mengapa Gunakan Strategi Manulife Diversified Real Asset?



### Bertumpukan Aset Nyata

- Pelaburan bertumpukan aset nyata global
- Pemilihan sekuriti dari bawah ke atas oleh pakar dan peruntukan aset makro dari atas ke bawah



### Pulangan & Pendapatan Sebenar

- Objektif pulangan sebenar yang mengatasi inflasi A.S.
- Objektif sampingan untuk menjana agihan pendapatan berkala



### Keupayaan Bersepadu

- Peluang maksimum berasaskan kepakaran Manulife IM



### Fleksibel & Menyedari Risiko

- Fleksibiliti dengan mempelbagaikan pelaburan

Untuk tujuan ilustrasi sahaja.

## Maklumat penting dana

<b>Nama Dana</b>	Manulife Diversified Real Asset Fund (dahulu dikenali sebagai Manulife Global Resources Fund) ["Dana"]				
<b>Pengurus</b>	Manulife Investment Management (M) Berhad 200801033087 (834424-U)				
<b>Kategori Dana</b>	Dana pembekal				
<b>Mata wang asas</b>	USD				
<b>Objektif pelaburan</b>	Dana berusaha memaksimumkan pulangan dan menjana pendapatan dengan melabur dalam satu (1) skim pelaburan bersama dengan tumpuan pelaburan terhadap syarikat-syarikat yang terlibat dalam aset nyata. Nota: Sebarang perubahan besar kepada objektif pelaburan Dana memerlukan kelulusan Pemegang Unit.				
<b>Profil pelabur</b>	Dana ini sesuai untuk pelabur yang: <ul style="list-style-type: none"> <li>ingin memanfaatkan peluang yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat berkaitan aset nyata;</li> <li>sanggup melabur dalam pasaran global yang terpelbagai; dan</li> <li>sanggup menerima risiko lebih tinggi dalam pelaburan mereka untuk memaksimumkan pulangan dan menjana pendapatan.</li> </ul>				
<b>Dasar dan strategi pelaburan</b>	Dana akan melabur sekurang-kurangnya 85% daripada NAB Dana dalam kelas saham I3 Acc Manulife Global Fund - Diversified Real Asset Fund ("Dana Sasaran"), manakala baki NAB Dana akan dilaburkan dalam tunai, instrumen pasaran wang (termasuk sekuriti pendapatan tetap yang mempunyai baki tempoh matang kurang daripada 365 hari), simpanan deposit jangka pendek dengan institusi kewangan untuk tujuan kecairan dan/atau derivatif untuk tujuan lindung nilai.				
<b>Penanda aras prestasi</b>	Tiada penanda aras bagi Dana. Oleh kerana Dana ialah dana pembekal, maka Dana ini bermatlamat menjejak prestasi Dana Sasaran. Dana Sasaran tidak membandingkan prestasi atau merujuk mana-mana penanda aras. Dana bebas memilih sekuriti untuk dilaburkan.				
<b>Kelas</b>	<b>Kelas A (RM)</b>	<b>Kelas A (Lindung Nilai-RM)</b>	<b>Kelas A (USD)</b>	<b>Kelas A (Lindung Nilai-SGD)</b>	
<b>Tarikh pelancaran</b>	7 Januari 2010	3 Jun 2025			
	Nota: Dana telah dilancarkan pada 7 Januari 2010 sebagai dana bukan berbilang kelas di bawah nama "Manulife Global Resources Fund". Dana kemudiannya diubah menjadi dana berbilang kelas dan ditukar nama kepada "Manulife Diversified Real Asset Fund" pada 3 Jun 2025 selepas kelulusan yang diperolehi daripada Pemegang Unit di mesyuarat Pemegang Unit.				
<b>Harga tawaran awal</b>	T/B	RM0.5000	USD0.5000	SGD0.5000	
<b>Tempoh tawaran awal</b>	T/B	SATU (1) hari, iaitu 3 Jun 2025			
<b>Caj jualan</b>	<b>Saluran Pendedaran</b>	<b>Caj Jualan</b>			
	UTC	Sehingga 6.00% NAB Seunit			
	Pengurus	Sehingga 5.50%			
	IUTA	Sehingga 5.50%			
<b>Yuran pengurusan tahunan</b>	Sehingga 1.80% daripada NAB Dana setahun yang dikira dan terakru setiap hari.				
<b>Yuran pemegang amanah tahunan</b>	0.04% setahun daripada NAB Dana.				
<b>Pelaburan asal minimum</b>	<b>Kelas</b>	<b>Kelas A (RM)</b>	<b>Kelas A (Lindung Nilai-RM)</b>	<b>Kelas A (USD)</b>	<b>Kelas A (Lindung Nilai-SGD)</b>
	<b>Kaedah Permohonan</b>				
	<b>Datang Sendiri</b>	RM2,000.00	RM2,000.00	USD2,000.00	SGD2,000.00
	<b>Transaksi Dalam Talian</b>	RM200.00	RM100.00	Tidak disediakan	Tidak disediakan
	atau jumlah lebih rendah lain yang boleh ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa.				
<b>Pelaburan tambahan minimum</b>	<b>Datang Sendiri</b>	RM1,000.00	RM1,000.00	USD1,000.00	SGD1,000.00
	<b>Transaksi Dalam Talian</b>	RM100.00	RM100.00	Tidak disediakan	Tidak disediakan
	atau jumlah lebih rendah lain yang boleh ditentukan oleh Pengurus dari masa ke masa.				
<b>Dasar pengagihan</b>	Kelas A (RM), Kelas A (Lindung Nilai-RM), Kelas A (USD) dan Kelas A (Lindung Nilai-SGD) Dana bercadang untuk mengagihkan pendapatan, jika ada, secara tahunan.				
<b>Tahun kewangan berakhir</b>	31 Oktober				

Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau percanggahan yang timbul daripada terjemahan Bahasa Malaysia brosur ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

### Penafian:

Maklumat di atas tidak disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC") dan tertakluk kepada amaran, penafian, kelayakan atau terma dan syarat berkenaan yang dinyatakan di dalam ini. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk bertarikh 15 Mei 2023, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2023 dan Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 12 Februari 2025 dan Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 3 Jun 2025 dan semua Lembaran Maklumat Penting Produk yang berkenaan (secara bersama, "Dokumen Tawaran"), yang boleh didapati di pejabat atau laman web kami sebelum melabur. Dokumen Tawaran telah didaftarkan dengan SC, bagaimanapun pendaftaran dengan SC tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa SC telah mengesyorkan atau mengiktiraf produk tersebut. Terdapat risiko yang wujud dalam pelaburan dana unit amanah, dana borong atau Skim Persaraan Swasta. Antara risiko yang dikaitkan dengan pelaburan dalam dana unit amanah; dana borong dan/atau Skim Persaraan Swasta ialah risiko turun naik kadar faedah, risiko tukaran asing dan mata wang, risiko negara, risiko politik, risiko kredit, risiko ketidakpatuhan, risiko pihak yang berurusan, risiko pengurus dana sasaran, risiko kecairan dan risiko kadar faedah. Untuk butiran lanjut tentang profil risiko semua dana, sila rujuk kepada bahagian Faktor Risiko dalam Dokumen Tawaran. Harga unit dan pengagihan pendapatan mungkin turun dan juga naik. Pelabur harus membandingkan dan mempertimbangkan yuran, caj dan kos terbabit. Pelabur dinasihatkan untuk menjalankan penilaian risiko sendiri dan berunding dengan penasihat profesional jika ragu-ragu tentang tindakan yang patut diambil.